


16 - 31 DISEMBER, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Legenda renang Jeffrey Ong cipta legasi gemilang



**AKSI penyudah Jeffrey Ong Kuan Seng ketika menyertai salah satu kejohanan suatu ketika dahulu.**

**PADA** usia 15 tahun, beliau membuat penampilan sulung di arena Sukan SEA 1987 yang pada ketika itu diadakan di Jakarta. Sebagai perenang baru, beliau tidak dianggap sebagai pencabar apatah lagi berada pada laluan paling luar yang kebiasaannya untuk perenang dengan masa kelayakan paling lambat.

Namun, apabila tembakan pemula dibunyikan, beliau melakukan sepenuh hati dan mengejutkan semua penonton di Stadium Renang Senayan apabila meraih pingat emas serta memecahkan rekod Sukan SEA bagi 400 meter (m) gaya bebas lelaki dengan catatan masa 4 minit dan 05.21 saat.

Bukan satu pingat emas, beliau turut meraih pingat emas kedua dengan memenangi acara 1,500m gaya bebas lelaki dalam masa 16:14.08 meninggalkan rakan senegara, Huang Ying Tsang (16:51.65) dan perenang dari Filipina, Martin Palacios (17:02.59).

Berasal dari Pulau Pinang, **JEFFREY ONG KUAN SENG** kemudiannya mula menjadi tumpuan ramai. Sejak itu, beliau terus melangkah melakar kejayaan demi kejayaan yang akhirnya mencipta legasi tersendiri.



**JEFFREY Ong Kuan Seng ketika ditemui baru-baru ini.**

Kini, pada usia 52 tahun, beliau yang menetap di ibu negara kembali ke Pulau Pinang untuk menerima anugerah Darjah Johan Negeri (DJN) yang dikurniakan kepadanya oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Mengambil kesempatan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING**, bertemu anak jati Pulau Pinang itu bagi mendengar kisah lakaran legasi sebagai perenang legenda dengan 15 pingat di arena antarabangsa.

Walaupun selepas bertahun-tahun bersara, namun kesungguhan dan minat beliau terhadap sukan renang tidak pernah luntur. Mesra disapa dengan panggilan Jeffrey, beliau masih melakukan rutin berenang dua atau tiga kali seminggu.

Bercerita pengalaman ketika pertama kali menyertai Sukan SEA, Jeffrey menyatakan bahawa beliau benar-benar bekerja keras dan berlatih di bawah jurulatih tetap, Lim Boon Lee.

"Selepas itu, saya menyertai kem latihan kebangsaan sebelum berlepas ke Jakarta.

"Matlamat saya adalah untuk mencuba memenangi pingat, walaupun saya tidak pasti penyudahnya.

"Entah bagaimana, saya berenang dengan sempurna dan memenangi emas, saya sendiri tidak percaya kerana itu merupakan penampilan sulung mewakili Malaysia.

"Kemenangan 400m memberi saya keyakinan untuk cemerlang dalam 1,500m.

"Kedua-dua emas itu sangat bermakna, tetapi emas pertama yang dimenangi di Sukan SEA adalah yang paling istimewa kerana sebelum itu, tiada siapa yang mengenali saya," ujarnya.

Pada tahun berikutnya, beliau menerima kejutan besar apabila terpilih untuk mewakili Malaysia di Kejohanan Renang Asia di Guangzhou, China pada tahun 1988.

"Di sana, saya meraih dua pingat perak dalam acara 400m gaya bebas dan 1,500m gaya bebas, menamatkan perlumbaan di belakang seorang perenang dari China.

"Saya terfikir, daripada menjadi yang terbaik di Asia Tenggara, kini yang kedua terbaik di Asia dan ia adalah 'wow'...motivasi untuk ke peringkat seterusnya.

"Walaupun pada mulanya saya tidak pernah bermimpi tentang Sukan Olimpik… tetapi pada usia 16 tahun saya berjaya menempah tiket ke Sukan Olimpik.

"Sukan Olimpik pertama saya di Seoul pada tahun 1988 dan ia adalah pengalaman yang luar biasa serta tidak dapat dilupakan, terutamanya ketika berarak masuk ke dalam upacara pembukaan dengan uniform kami, lengkap dengan songkok.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# "Tiada formula ajaib"

"Masih ingat lagi, ketika kami masuk, pengumuman dibuat 'Kontinjen dari Malaysia!' kemudian sorakan lebih 80,000 orang…meremang bulu roma saya," ceritanya yang tidak akan pernah melupakan perasaan tatkala menatap puluhan kamera televisyen dengan mengetahui bahawa berjuta-juta orang sedang menonton.

Selepas Sukan Olimpik, rentak kemenangan Jeffrey berterusan. Dia meraih dua pingat emas dalam acara yang sama di Sukan SEA 1989 di Kuala Lumpur dan satu pingat perak dalam acara 1,500m gaya bebas di Sukan Asia 1990 di Beijing.

Pada tahun 1991, ketika usia 17 tahun, semasa memulakan pengajiannya di *University of Southern California* (USC) di Amerika Syarikat, Jeffrey terpilih untuk mewakili Malaysia di Sukan Universiti Dunia di Sheffield, England.

Di sana, Jeffrey memenangi pingat perak dalam acara 1,500m gaya bebas, mencipta rekod baharu Malaysia dengan masa 15:23.61 yang juga rekod Asia dan masa ke-14 terpantas di dunia.

"Kenangan istimewa lain adalah di Sheffield, dengan keluarga saya di sana untuk menonton selain ramai rakyat Malaysia yang belajar di Sheffield juga datang untuk menyokong saya.

"Melihat bendera Malaysia berkibar dalam kalangan orang ramai dan kehadiran keluarga saya menjadikannya satu detik yang sangat membanggakan.

"Secara kebetulan, Sheffield adalah tempat kakak saya menetap selepas belajar di sana, dia juga cemerlang dalam sukan renang dan pernah dinobatkan sebagai Olahragawati Malaysia 1982," katanya.

Menurut Jeffrey, rekod yang beliau catatkan iaitu 15:23.61 untuk 1,500m, di kolam 50m di Sheffield pada tahun 1991, bertahan selama 32 tahun sehingga Steve Khiew Hoe Yean memecahkannya pada bulan Disember 2023.

"Kemudian, pada bulan Oktober tahun ini, rekod 1,500m jarak pendek (kolam 25m) yang telah lama dipegang dengan masa 15:27.05 pada tahun 1989, telah diatasi oleh Mohd. Dhuha Zulfikry, yang mencatat masa 14:59.80 pada debut Piala Dunia Renang Akuatik 2024 di Shanghai, China.

"Saya menjangkakan rekod tersebut akan dipecahkan lebih awal.

"(Hal ini kerana), apabila rekod-rekod itu kekal tidak dipecahkan untuk suatu tempoh yang begitu lama, saya mula berfikir tiada siapa yang akan memecahkannya dan kemudian, akhirnya ada seseorang yang melakukannya.

"Walaupun saya rasa sedih rekod saya telah dipecahkan, tetapi lebih kepada rasa gembira kerana melihat akhirnya seseorang telah berjaya melakukannya.

"Ia menunjukkan sukan renang di Malaysia sedang berkembang dan ini adalah baik untuk sukan ini, kerana Hoe Yean dan Mohd. Dhuha kini akan bersaing secara sihat untuk memecahkan beberapa rekod yang ditetapkan lebih 20 tahun lalu yang perlu dipecahkan," kata Olahragawan Kebangsaan 1988 itu.

Semasa zaman beliau sebagai perenang kebangsaan, Jeffrey memegang lima rekod Malaysia yang mengagumkan iaitu dalam 200m, 400m, 800m, dan 1,500m gaya bebas, serta 400m medley individu. Ini menjadikan beliau perenang lelaki terunggul di Malaysia dan pencapaian Jeffrey membolehkannya meraih gelaran Olahragawan Terbaik 1988.

Apabila ditanya bagaimana beliau melakukannya, Jeffrey memaklumkan bahawa beliau berpegang pada ketetapan untuk berkembang dan berjaya.

"Tidak ada formula ajaib, semuanya tentang kerja keras, ketekunan, kesabaran dan disiplin.



**JEFFREY Ong Kuan Seng (kiri) bersama-sama Nurul Huda Abdullah pada 1988 ketika menerima anugerah Olahragawan Kebangsaan.**




**ANTARA pingat yang dimenangi pada pentas antarabangsa.**

"Saya rasa *'mindset'* adalah elemen yang paling penting, dan saya maksudkan menetapkan matlamat kecil yang boleh dicapai.

"Ia seperti kaizen, falsafah Jepun tentang membuat penambahbaikan kecil dari masa ke masa, yang boleh membawa kepada hasil yang ketara pada masa hadapan.

"Dalam latihan, saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri, misalnya, jika saya dapat mengurangkan setengah saat pada setiap pusingan, itu bermakna penurunan 15 saat dalam 30 pusingan…kenaikan kecil ini akan terkumpul, walaupun ia tidak akan berlaku dalam semalam.

"Itulah yang saya beritahu kepada mana-mana ibu bapa yang mahu melihat anak mereka turut cemerlang dalam sukan renang, yang penting fokus pada peningkatan beransur-ansur, dan dari masa ke masa, hasilnya akan datang.

"Pada masa tertentu akan ada pasang surut, saya akan cuba untuk mengekalkan keseimbangan, menghadapi kedua-duanya (iaitu kejayaan dan kegagalan) dengan tenang.

"Maka, dengan mempunyai penetapan minda kita akan sentiasa ingin memperbaiki langkah demi langkah, seperti peribahasa Melayu, 'Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit', itulah cara saya berkembang dari menjadi yang terbaik di sekolah sehingga ke peringkat teratas," jelasnya.

Tambah beliau, mempunyai jurulatih yang berdedikasi merupakan bonus di samping perlu menitikberatkan soal pemakanan, rehat, ketahanan mental dan kecergasan keseluruhan sebagai elemen penting mencapai prestasi terbaik.

Jeffrey yang menamatkan pengajian ijazah kewartawanan penyiaran kemudiannya bekerja sepenuh masa di TV3 dan menjadi pengacara bersama bagi program televisyen, *Cyberwave*.

Selepas tiga tahun di TV3, beliau memutus untuk berhenti dan menjadi pekerja bebas *(freelancer)* serta terlibat dalam pelbagai projek untuk RTM dan NTV7.

Pada tahun 2001, Jeffrey bertemu dengan Carolyn Goh yang kemudiannya menjadi isterinya dan berpindah ke London. Di London, Jeffrey bekerja dalam bidang acara perniagaan dan kembali ke Kuala Lumpur setelah menerima tawaran dari sebuah syarikat pemasaran sukan. Jeffrey turut terlibat dalam bidang pembangunan modal insan para akhir tahun 2019 sehingga kini yang mana melibatkan pembangunan kepimpinan, kemahiran dan latihan untuk syarikat multinasional di Malaysia.

Pada pertemuan itu juga, Jeffrey menzahirkan penghargaan atas penganugerahan DJN yang diterimanya.

"Saya benar-benar berbesar hati dan bangga menerima anugerah ini, terutamanya selepas saya bersara dari sukan renang pada 1994.

"Saya tidak pernah menjangkakan penghormatan ini dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan TYT kerana menganugerahkan DJN ini.

"Saya bangga menjadi anak Pulau Pinang, saya memang budak 'Penang', selalu saya katakan 'anda boleh bawa saya keluar dari Pulau Pinang tetapi tidak boleh bawa keluar Pulau Pinang daripada saya.

"Malah, ketika saya bertanding sama ada di Malaysia atau di luar negara, saya sentiasa merasakan diri saya sebagai duta untuk Pulau Pinang," katanya yang turut berkongsi koleksi gambar-gambar nostalgia dengan Buletin Mutiara.

**MENJELANG** tahun 2040, Pulau Pinang yang merangkumi bahagian pulau dan Seberang Perai dijangka menjadi negeri menua.

Secara umum, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telahpun membuat klasifikasi masyarakat menua kepada tiga fasa iaitu masyarakat menua (7 peratus hingga 13 peratus), masyarakat tua (14 peratus hingga 19 peratus) dan masyarakat sangat tua (20 peratus dan ke atas).

Pada tahun 2023, didapati bahawa di bahagian pulau negeri ini telah mencapai status populasi menua yang mana rakyat berusia 65 tahun dan ke atas adalah berjumlah 136,490 orang (7.7 peratus).

Lalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melancarkan Projek Bandar Mesra Usia Emas (2023 - 2025) pada 7 September lepas, dengan berpandukan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).




**RABIATUL Adawiyah Rohaimi (dua dari kanan) bersama-sama pasukannya menunjukkan piala dan pengiktirafan diterima.**

# Anugerah Prihatin Warga Emas

Langkah proaktif MBPP bagi menangani isu masyarakat bandar raya menua di sini turut melibatkan dua pihak lain iaitu Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan *Malaysia Healthy Ageing Society* (MHAS).

Pegawai Perancang Bandar & Desa di Jabatan Perancangan Pembangunan MBPP, **RABIATUL ADAWIYAH ROHAIMI** memberitahu bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan baru-baru ini menerima Anugerah Prihatin Warga Emas dalam majlis anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Setahu saya, MBPP merupakan satu-satunya PBT yang mempunyai Pelan Tindakan Strategik Mesra Usia ini, bertempoh sehingga tahun 2025 kerana mengambil kira pelaporan kepada WHO yang mana pelan ini berterusan sebenarnya selepas tahun 2025.

"Hanya ada tiga PBT mendapat anugerah iaitu MBPP, Majlis Daerah Machang dan Majlis Perbandaran Selayang.

"Kolaborasi MBPP dengan PWDC yang mana PWDC mengetuai usaha merealisasikan pelan strategik ini sementara kita (MBPP) adalah ejen pelaksana pelan strategik yang terdiri daripada lapan domain berkaitan," jelasnya dalam sesi temu ramah di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini pada 22 Oktober 2024.

Wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** diberitahu bahawa Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia: Pulau Pinang (Pulau) mempunyai lapan domain.

Lapan domain tersebut adalah:-

- Ruang Awam dan Bangunan
- Pengangkutan
- Perumahan
- Penglibatan Sosial
- Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial
- Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan
- Komunikasi dan Informasi
- Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan

## Domain 1 : Ruang Awam dan Bangunan



Bawah Domain 1 ini, Rabiatul Adawiyah menjelaskan bahawa beberapa taman awam telahpun dikenal pasti untuk kerja-kerja menambah baik dan naik taraf supaya mesra usia emas.

"Taman Kejiranan Sungai Ara telah siap ditambah baik dan naik taraf pada Mac 2019; begitu juga Taman Kejiranan Bukit Jambul (14 Oktober 2023), Taman Jajar Esplanade (31 Oktober 2023) dan Taman Lintang Penara (Oktober 2023).

"Projek menaik taraf Taman Kejiranan Lengkok P. Ramlee dijangka siap pada bulan Disember 2024.

"Bawah Domain 1 ini juga, Jabatan Konservasi Warisan MBPP akan menaik taraf bahagian dalaman Dewan Bandaraya dan ruang sewaan dengan menambah elemen seperti tanda mesra Orang Kurang Upaya (OKU), AED (Bantuan Asas Hayat) serta elemen reka bentuk sejagat mengikut Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (RKK TWDGT) yang dijangka siap pada Disember 2024.

"Jabatan Konservasi Warisan MBPP juga menyasarkan kerja-kerja menaik taraf lorong belakang dan bahagian tepi jalan di sepanjang Jalan Sri Bahari hingga Jalan Argyll siap pada Disember 2024," ujarnya.

## Domain 2: Pengangkutan

Rabiatul Adawiyah menjelaskan bahawa bilangan bas awam sejumlah 232 unit pada tahun 2023 akan ditambah kepada 252 buah menjelang Disember 2024.

"MBPP sebagai rakan kongsi (manakala) *Rapid Penang* sebagai organisasi yang bertanggungjawab (OB).

"Perkhidmatan pengangkutan khas untuk menampung keperluan warga emas dan OKU terutama kepada mereka yang menggunakan alat bantu bergerak seperti kerusi roda akan diusahakan secara berterusan di bawah Domain 2: Pengangkutan ini," katanya sambil berharap kebolehcapaian perkhidmatan pengangkutan awam oleh warga emas akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa.

*(Sambungan di muka 4).*

*(Sambungan dari muka 3).*

# pengiktirafan buat MBPP

## Domain 3: Perumahan

Beliau menjelaskan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri dalam negara yang telahpun melaksanakan garis panduan pembangunan perumahan mesra warga emas di kawasan pentadbiran MBPP.

"Kalau ikut rekod kita, telah ada tujuh perumahan mesra warga emas berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Perumahan Mesra Warga Emas, contohnya Eden@Botanica CT dekat Balik Pulau.

"Kalau projek perumahan biasa, pemaju hanya membina unit kediaman bertanah atau unit kediaman berstrata.

"Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Perumahan Mesra Warga Emas, kawasan kediaman ini ada pusat jagaan warga emas yang mana unit kediamannya adalah reka bentuk sejagat dan mesra warga emas seperti ada *'ramp'* dan sebagainya," jelasnya lagi.



## Domain 4: Penglibatan Sosial

Rabiatul Adawiyah memberitahu bahawa MBPP bersama-sama rakan kongsi seperti *St. Nicholas' Home for the Blind*, Persatuan Pekak Pulau Pinang dan Persatuan Talasemia Pulau Pinang menganjurkan kelas asas kod *Braille*, kelas bahasa isyarat (dua kali setahun) dan *'Let's Walk With Thalassemia'*.

"Matlamatnya adalah menyediakan pelbagai peluang inklusif dengan menggalakkan penyertaan aktif dan hubungan sosial dalam kalangan penduduk yang lebih tua; memupuk semangat kekitaan yang bermakna; seiringan dengan usia mereka," ujarnya lagi.




## Domain 5: Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial

Berdasarkan Domain 5 ini, Rabiatul Adawiyah berkata *'Zero Burden Bazaar'* diwujudkan bagi menyediakan aktiviti bersama-sama (kelompok) kanak-kanak, orang dewasa dan warga emas untuk menyokong gaya hidup penuaan aktif.

"Kita menyasarkan pada Disember 2024, Jabatan Perancangan Pembangunan MBPP bersama-sama Jabatan Kesihatan Persekitaran (MBPP), *Rose Charities International*, NGO (pertubuhan bukan kerajaan), Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat membangunkan Pusat Aktiviti Warga Emas di 252A, Jalan Air Itam iaitu dekat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Mashoor (Lelaki) yang mana ia adalah pusat aktiviti bagi masyarakat membina ikatan perhubungan kuat dan rasa dihargai.

"Pusat Aktiviti Warga Emas ini bukan pusat jagaan warga emas atau tempat tinggal warga emas, sebaliknya tempat khas untuk warga emas melakukan aktiviti mereka sahaja," katanya sambil memberitahu bahawa MBPP turut menyediakan van mobiliti khas ala *Rapid Penang* untuk pergerakan warga emas melakukan aktiviti di situ.



## Domain 6: Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan

Menurut Rabiatul Adawiyah, domain keenam adalah bermatlamat masyarakat menua di bahagian pulau diberi peluang untuk menyatakan pandangan dengan menggalakkan penglibatan mereka secara aktif melalui peluang pekerjaan, sukarelawan dan sebagainya.

"Kontrak perkhidmatan komuniti dianugerahkan kepada penduduk di projek perumahan awam bagi tujuan pembersihan dan keselamatan (yang mana) sekurang-kurangnya 75 peratus peluang pekerjaan dalam bidang pembersihan dan keselamatan diberikan kepada warga emas," ulasnya sambil memberitahu garis masa bagi pelaksanaan tempoh kontrak yang diperbaharui adalah 1 April 2024 hingga 31 Mac 2027.

## Domain 7: Komunikasi dan Informasi

Kata beliau, MBPP sejak Julai 2024 telah siap mengkaji semula semua pengumuman sama penting yang telah tersedia.

"Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti MBPP pada September 2024 bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dan *St. Nicholas' Home for the Blind* bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk menyampaikan mesej kepada OKU pendengaran dan penglihatan," ujarnya sambil memberitahu bahawa pelaksanaan Pelan Tindakan Stratgegik Bandar Mesra Usia: Pulau Pinang (Pulau) ketika ini telah menerima penyertaan kira-kira 20 NGO.

## Domain 8: Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan

Rabiatul Adawiyah memaklumkan bahawa mulai bulan Januari hingga Disember 2025, Kempen Kesedaran Kesihatan akan dilaksanakan dengan melibatkan rakan kongsi seperti Jabatan Kesihatan Negeri, jabatan-jabatan dalaman MBPP lain, selari dengan status penduduk bandar raya yang kian menua.

Mengakhiri wawancara, beliau berkongsi bahawa paling mencabar adalah tidak ada 'acuan' semasa Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia: Pulau Pinang (Pulau) diwujudkan.

"Setakat ini banyak NGO berjaya dilibatkan bagi merealisasikan pelan tindakan strategik ini iaitu kira-kira lebih 20 NGO.

"Selain garis panduan WHO, kita (MBPP) juga melihat pelan perancangan strategik beberapa negara seperti (Republik Rakyat) Singapura dalam soal mendepani isu masyarakat menua.

"Seperti Singapura, di Malaysia ini baru ada empat PBT iaitu MBPP, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Bandaran Sibu yang berdaftar di bawah WHO sebagai 'Bandar Mesra Usia'.

"Selepas mendapat pengiktirafan Anugerah Prihatin Warga Emas daripada KPKT, usaha berkaitan tidak terhenti di sini.

"Macam sekarang kita (MBPP) sedang menjalani proses pemantau dan penilaian (berdasarkan Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia: Pulau Pinang (Pulau) untuk kita memperbaiki dan menambah baik lagi pelan tindakan sedia ada mengikut keperluan semasa khususnya masyarakat menua di bandar raya ini.

"Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuk empat kakitangan MBPP di bawah unit pelaksana pelan strategik ini yang mana di sebalik kejayaan menerima Anugerah Prihatin Warga Emas baru-baru ini,'' katanya mengakhiri sesi wawancara berkenaan.



# Pakar sulaman

## pulihara warisan budaya



KENNY Loh Seng Kean menunjukkan salah satu rekaan kasut manik beliau.

**MENAMATKAN** pengajian dalam bidang nutrisi ternyata tidak menghalang anak jati Pulau Pinang, **KENNY LOH SENG KEAN** untuk menempa nama dalam dunia sulaman dan rekaan.

Kemahiran menghasilkan kebaya nyonya, sulaman dan rekaan kasut manik yang menjadi identiti tradisi kaum Baba dan Nyonya telah berjaya meletakkan nama beliau pada kedudukan yang tersendiri dalam bidang tersebut.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Seng Kean pada mulanya mengakui bahawa beliau kurang mengenali asal usul keluarganya yang berketurunan Baba Nyonya sehinggalah beliau menyambung pengajian pada peringkat universiti.

“Sebelum tahun 2017, saya sendiri tidak pernah memegang jarum, namun perasaan ingin menerokai keunikan fesyen Baba dan Nyonya itu makin mendalam selepas mengetahui mengenai salasilah keluarga.

“Ketika di universiti, saya pernah lihat juadah-juadah makanan sama seperti yang dimasak oleh emak saya, yang dilihat agak berbeza berbanding masakan kaum Cina lain.

“Dari situ saya sedar bahawa saya bukanlah ‘Cina biasa’, dan selepas mencari jawapan, maka saya dapati saya sebenarnya berasal daripada keturunan Cina peranakan atau Baba dan Nyonya,” katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

Jauh di sudut hati, Seng Kean mengakui bahawa beliau mempunyai minat mendalam untuk memiliki perniagaan sendiri.

“Minat itu akhirnya menjadi titik tolak untuk saya mula mempelajari asas jahitan daripada ibu saudara, tambah pula keluarga saya sendiri turut memberi dorongan dalam memelihara warisan Baba dan Nyonya ini.

“Sebelum mengajar, dia (ibu saudara) meletakkan syarat kepada saya iaitu perlu mempunyai kemahiran melukis, dan kedua perlu lebih bersabar.

“Selepas enam bulan belajar, saya mampu siapkan sepasang kebaya mini, selendang dan sepasang kasut manik yang menjadi identiti kami,” jelasnya yang juga berjaya menjual kedua-duanya produk berkaitan di pasaran Eropah dan Singapura.

Selepas menempa kejayaan demi kejayaan,





HASIL sulaman yang unik dan berkualiti tinggi.

Seng Kean akhirnya berjaya mewujudkan sebuah galeri di Solok Mano, George Town yang menempatkan ratusan fesyen baju, batik, kasut dan pelbagai perhiasan lain.

Hari ini, beliau merupakan antara pereka fesyen kebaya yang disegani melalui kepakaran sulaman di samping menerima pengiktirafan daripada *Asian International University* yang memberikan gelaran 'Doktor' atas sumbangan memelihara warisan dan budaya kepadanya.

*(Sambungan di muka 6).*



# Lembaga Sumber Air Pulau Pinang mantapkan pengurusan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang pada 25 September lalu telah meluluskan secara dasar cadangan menjenamakan Bahagian Kawal Selia Air Pulau Pinang (BKSA) kepada Lembaga Sumber Air Pulau Pinang.

Perkara tersebut diumumkan oleh Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari dalam satu sidang media di sini pada 28 Oktober lalu.

Menurut beliau, penubuhan tersebut adalah penting dalam usaha memantapkan pengurusan sumber air di Pulau Pinang melalui lima teras utama iaitu pengurusan dan perlindungan sumber air; penggunaan sumber air; pemuliharaan sumber air; penguatkuasaan dan kesalahan serta penalti.

"Melalui Lembaga Sumber Air Pulau Pinang kelak, Kerajaan Negeri akan berupaya untuk menguruskan sumber air dengan lebih menyeluruh dan komprehensif dengan punca kuasa enakmen, peraturan serta kepakaran bersesuaian," ujarnya.

Hadir sama, Setiausaha Bahagian BKSA, Najwa Juaini Azmi; Jurutera Awam BKSA, Ir, Ts. Hafeeza Dzulienaa Md. Puzi dan Penolong Jurutera Kanan BKSA, Mohd. Khairuddin Rosli.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memaklumkan bahawa adalah lebih penting lagi penubuhan lembaga berkaitan akan membenarkan Kerajaan Negeri meningkatkan kawalan pencemaran dan perlindungan sumber air melalui mekanisme seperti pelesenan ke atas pengusaha, pengendali atau pemilik yang menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan sumber air seperti pengabstrakan air.

"Selain itu, pengenaan caj ke atas pelepasan bahan pencemar juga dapat diperkenalkan bagi membantu mengawal kualiti sumber air di samping menjadi sumber hasil kepada Kerajaan Negeri.

"Apabila caj ini diwujudkan, ia secara langsung akan meningkatkan kualiti kebersihan air yang dilepaskan ke dalam sumber air, sekiranya didapati tercemar maka denda atau penalti akan dikenakan.

"Kerajaan Negeri kini dalam proses semakan akhir Enakmen Sumber Air dan Rang Undang-undang bagi tujuan ini dan disasarkan akan dibentangkan pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Mei tahun 2025 kelak," ulasnya lanjut.



**ZAIRIL Khir Johari.**

*(Sambungan dari muka 5).*

# Keunikan fesyen Baba Nyonya jadi daya penarik

Antara pengiktirafan lain yang diperoleh adalah *Malaysia Good Design Awards* daripada *Malaysia Design Council* di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri yang dimenangi pada tahun 2021, 2022 dan 2023.

Anugerah lain yang turut dimenangi adalah *Malaysia Mastery of Craft Award* (2022), *Icon Fashion Designer* (2022), *Couture Designer of the Year* (2022), *Hasanah Gold Threads Awards (2023), ASEAN Emerging Designer of the Year* (2023) dan anugerah *Asia Pacific Luminare* Ke-9 (2024) bagi kategori *Most Influential Heritage & Culture Art Fashion Designer of the Year*.

"Saya juga terpilih sebagai pereka kebaya bagi duta pelancongan negeri Melaka, Fan Bingbing (aktres China) pada Jun lepas.

"Selepas menerima ukuran, saya menghantar tiga pasang busana untuk digayakan dan beliau memilih kebaya merah jambu sewaktu berada di Melaka baru-baru ini," ulasnya yang terus berhasrat untuk mempromosikan kebaya nyonya pada peringkat antarabangsa.

Dalam menaikkan lagi martabat kebaya, beliau turut berbangga hasil kerjasama Malaysia dengan empat negara jiran seperti Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand dalam mengemukakan pencalonan kebaya untuk diiktiraf oleh UNESCO dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tak Ketara Kemanusiaan bagi tahun 2023.



**ANTARA koleksi produk Baba Nyonya ditempatkan di galerinya dekat Solok Mano, Pulau Tikus.**



**BAJU kebaya (kiri) yang dipakai duta pelancongan negeri Melaka.**

# Cakna kebajikan berkhidmat untuk komuniti


WONG Ming Lee (kanan) dan Lim Guat Poh.

**PERSATUAN** Amal Layar Cahaya Pulau Pinang (PALCPP) merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan semasa pandemik COVID-19 khusus bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Pengerusinya, **WONG MING LEE** yang merupakan seorang guru pesara, tekad menyediakan keperluan asas kepada keluarga berpendapatan rendah (B40), pelajar sekolah, warga emas dan juga gelandangan.

Menurut Ming Lee, PALCPP telah mula berkhidmat kepada komuniti menjelang Disember 2019 dan telah ditubuhkan secara rasmi pada Disember 2021 dan masih aktif sehingga kini.

"PALCPP kini mempunyai seramai 49 ahli yang terdiri daripada persatuan ini yang memfokuskan inisiatif bantuan dari segi keperluan asas seperti makanan dan keperluan rumah.

"Bukan itu sahaja, PALCPP turut mengadakan sesi pengagihan makanan mingguan (pada setiap Jumaat) di sekolah sekitar Pulau Pinang serta memperoleh sumbangan 30 unit *Chromebook* sebagai bantuan pembelajaran dan telah memanfaatkan ratusan pelajar sekolah.

"Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah *St. Xavier's Institution* (50 pelajar); *St. Xavier's Branch School* (40); Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jelutong (30); Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Heng Ee (30); SJKC Convent Datuk Keramat (30); SJKC Kong Min Cawangan Satu (20) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Perempuan Methodist (20).

"Antara inisiatif lain yang dijalankan adalah melalui majlis makan malam amal yang telah berjaya mengumpul sumbangan dana hampir RM30,000 sebagai tanda sokongan ahli-ahli persatuan serta penyumbang luar," katanya sewaktu ditemui baru-baru ini.

Tambah Ming Lee, PALCPP turut menyantuni rumah-rumah kebajikan dan perkampungan Orang Asli di Perak.

"Bagi komuniti Orang Asli, PALCPP telah menyediakan bantuan dari segi pakaian terpakai, alat tulis, serta keperluan lain.

"(Dan) sehingga kini, lebih 200 projek bantuan telah dijalankan bagi membantu mereka yang memerlukan bukan sahaja di Pulau Pinang, malahan juga Kuala Lumpur dan Perak.

"Selain bantuan persekolahan, PALCPP turut memberi sumbangan perayaan Sambutan Tahun Baru Cina bagi keluarga yang menetap di flat kos rendah, peminta sedekah, penarik beca, ibu tunggal dan banyak lagi," jelasnya lanjut.

Di samping itu, Ming Lee turut menyatakan hasrat PALCPP untuk meneruskan tradisi projek kutipan dana amal di *St. Xavier's Institution* bagi menambah usaha kebajikan persatuan tersebut.

"Pihak saya amat mengalu-alukan sokongan umum tidak kira dalam bentuk wang tunai atau barangan, kerana berhasrat untuk meluaskan bantuan kepada lebih ramai individu yang memerlukan.

"Serentak dengan itu, bagi mereka yang ingin membantu dari segi keperluan asas dan lain-lain sumbangan boleh disalurkan melalui CIMB Bank Berhad, pada nombor akaun 8010887626," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Wong Ming Lee (012-493 9098) atau Setiausaha PALCPP, Lim Guat Poh (012-455 1968).


SUMBANGAN *Chromebook* yang telah memanfaatkan ratusan pelajar sekolah.


PENGAGIHAN bantuan sempena musim perayaan turut dijalankan.

# Pembinaan semula Pasar Awam Seberang Jaya siap

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Projek pembinaan semula bangunan pasar awam dan pusat penjaja Mukim 1, Seberang Jaya kini siap sepenuhnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri sememangnya memberikan perhatian terhadap projek yang dimulakan pada tahun 2019 berkaitan.

"Tetapi berlaku sedikit kelewatan disebabkan beberapa faktor luar jangka seperti pandemik COVID-19 dan juga syarat tambahan yang perlu dipenuhi oleh pihak pemaju sebelum mendapatkan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

"Setelah CCC diperoleh, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memerlukan tempoh kira-kira sebulan untuk melakukan undian tapak bagi menempatkan 239 penjaja sedia ada di sini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak projek pembinaan pasar awam berkaitan di sini pada 30 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Penolong Pengarah Jabatan Pelesenan MBSP, Sofian Shaari dan Pengarah Zubicon Development Sdn. Bhd., Lim Beng Keong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pasar awam dan pusat penjaja tersebut dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 12.5 ekar membabitkan kos kira-kira RM19.5 juta.

"Kos pembangunan semula projek ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak pemaju, Zubicon Development Sdn. Bhd. secara subsidi silang daripada keuntungan pemajuan perumahan dan komersial.



KETUA Menteri dan Jason H'ng Mooi Lye (kiri) pada sesi lawatan ke tapak projek pembinaan pasar awam dan pusat penjaja Mukim 1, Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

"Apabila beroperasi kelak, kompleks pasar awam serta pusat penjaja ini akan diserahkan kepada MBSP bagi tujuan pengurusan dan milikan," katanya.

Beliau berkata, pasar awam dan pusat penjaja baharu berkenaan kini dilengkapi dengan 263 ruang niaga tidak termasuk lebih 200 tapak peniaga tidak berlesen serta 450 lot parkir kereta bagi kemudahan pengunjung.

"Memandangkan jumlah peniaga sedia ada hanya 239 orang, maka masih terdapat 24 lot ruang niaga masih belum disewa.

"Justeru, kita berharap agar projek ini menjadi satu kemudahan awam mampan yang dapat digunakan sebaiknya bagi memperkasakan lagi komuniti serta peniaga kecil dan sederhana di kawasan ini.

"Mungkin masih ada sedikit kekurangan, tetapi saya percaya perkara ini boleh diperbaiki selepas mendapat respons daripada para penjaja apabila mereka berpindah ke sini kelak," ulasnya sambil menambah bahawa bangunan pasar awam berkenaan juga telah memperoleh sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI).



RUANG berniaga yang selesa.



RUANG berniaga barangan basah.



RUANG parkir yang luas.




RUPA bentuk bangunan pasar awam.

## Peniaga, komuniti hargai komitmen Kerajaan Negeri

**RATA-RATA** peniaga kecil dan penduduk setempat menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas komitmen membangunkan semula Pasar Awam dan Pusat Penjaja Mukim 1, Seberang Jaya.



**NORLIAH SAHAK,** 69, berkata lokasi pasar awam baharu yang terletak berdekatan dengan kediamannya dekat Lorong Tuna akan membolehkan beliau selalu berkunjung ke pasar awam tersebut.

"Dulu-dulu semasa di tapak pasar awam lama di sini saya sering berkunjung ke pasar sebab sangat dekat dengan rumah.

"Selepas berpindah ke tapak sementara pada Mac 2019 lalu, saya sudah jarang ke sana kerana agak jauh, tambahan pula saya tidak boleh memandu kereta atau motosikal, biasa suami atau anak sahaja yang akan ke sana.

"Jadi, apabila pasar awam baru sudah beroperasi kelak bolehlah saya ke sana selalu kerana boleh berjalan kaki sahaja.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin dengan keperluan penduduk di sini dengan membangunkan semula pasar awam Seberang Jaya yang lebih luas dan selesa," katanya dengan nada teruja.



**ROSHANNISA CHE KASSIM,** 50, ketika dihubungi berkata bahawa dia tidak sabar untuk berpindah ke bangunan pasar awam baharu yang dikatakan lebih selesa dan lengkap dari segi kemudahan.

"Walaupun keadaan di pasar sementara ini sudah selesa tetapi sebagai peniaga kami tentulah lebih teruja untuk berniaga di bangunan kekal yang lebih selesa kerana pengunjung dijangka lebih ramai.

"Tambahan pula, lokasi bangunan pasar awam di atas tapak asal lebih mudah diakses oleh penduduk setempat kerana berdekatan dengan kawasan kediaman, jadi mereka tidak perlu menaiki kenderaan untuk ke sana nanti.

"Justeru, sebagai salah seorang peniaga asal Pasar Awam Seberang Jaya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menaik taraf pasar awam demi keselesaan peniaga serta pengunjung," ujarnya.



**ABDUL TALIB MANSOR,** 64, ketika ditemui berkata bahawa bangunan pasar awam baharu tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada peniaga kecil, malahan juga penduduk di sekitar kawasan Seberang Jaya.

"Sebenarnya pasar awam sementara ini pun sudah cukup selesa, tetapi dengan pelbagai kemudahan yang disediakan di pasar baharu dikatakan lebih selesa dan memuaskan, tempat parkir pun banyak.

"Saya percaya kebanyakan peniaga asal di sini gembira dengan perkembangan ini dan mereka sudah bersedia untuk berpindah ke bangunan pasar baru nanti.

"Harapan saya adalah apabila berpindah ke pasar baru nanti, peniaga dapat menjalankan perniagaan dengan lebih selesa dan paling penting barangan jualan kami bertambah laris," katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.



**CHOONG TEIN SOON**, 39, yang merupakan pengunjung Pasar Awam Seberang Jaya pula mencadangkan supaya pihak pengurusan perlu memastikan penjaja tanpa lesen tidak muncul dan "menjajah" tempat letak kereta yang dikhaskan untuk pengunjung.

"Saya sudah beberapa kali berkunjung ke Pasar Awam Seberang Jaya di tapak sementara dan mendapati ramai penjaja sedang menjaja di luar bangunan pasar dan menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

"Selain itu, keadaan ini juga menyukarkan pengunjung untuk mendapatkan tempat letak kereta kerana dijadikan sebagai tapak penjaja.

"Saya percaya dengan adanya ruangan khas yang disediakan kepada menjaja tanpa lesen di pasar baru itu nanti, perkara seperti ini mungkin dapat diatasi.

"Jika tiada isu berkaitan tempat letak kereta, saya rasa lebih ramai orang akan berkunjung ke pasar baru itu nanti dan keadaan ini pastinya lebih menguntungkang para peniaga di sini kelak," katanya ketika ditemui.



Peniaga burger, **ROSLI ISHAK,** 55, turut menyatakan rasa teruja untuk berkunjung dan membeli barangan keperluan harian setelah bangunan baru Pasar Awam Sebrerang Jaya beroperasi kelak.

Menurut beliau, pasar baharu tersebut dilihat lebih luas dan selesa selain mempunyai ruang parkir yang mencukupi untuk pengunjung.

"Saya suka datang ke sini terutamanya untuk bersarapan pagi kerana terdapat banyak pilihan makanan sama ada roti canai, mi wantan, kuih-muih dan sebagainya yang lazat dan harga pula berpatutan.

"Jadi apabila peniaga-peniaga berpindah ke bangunan pasar awam baru nanti saya mungkin akan lebih kerap ke sana kerana lebih lokasinya dekat dengan rumah, tidak perlu bawa kereta lagi.

"Paling penting, saya berharap agar para peniaga dapat mengekalkan harga jualan produk mereka sepertimana yang boleh didapati di tapak sementara ini," ujarnya yang tinggal di Persiaran Tenggiri.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
